



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Laman Web: www.pka.gov.my
Email: onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld.4 (8)

Tarikh : 16 Februari 2022

KEPADA:

SEMUA SYARIKAT HAULIER

Tuan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG
BIL. 3/2022**

**PELAKSANAAN *CARGOMOVE BOOKING SYSTEM* SEBAGAI SISTEM
TEMPAHAN TUNGGAL BAGI PENGHANTARAN DAN PENGAMBILAN KONTENA
KOSONG SERTA PENAMBAHBAIKAN KE ATAS TAHAP PERKHIDMATAN
DEPOH-DEPOH KONTENA KOSONG DI PELABUHAN KLANG**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan *Standard Operating Procedure (SOP) for Pick Up / Drop Off Empty Containers at Depots in Port Klang* (seperti Lampiran 1) adalah berkaitan.

2. Seperti yang pihak Tuan sedia maklum, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah membangunkan SOP seperti di atas dan sedang melaksanakan ujian rintis bagi SOP ini sepenuhnya di semua *On Dock Depot* (ODD) mulai 1 Januari 2022 dan *Off Dock Depot* yang beroperasi di Pelabuhan Klang berkuatkuasa 1 Februari 2022.

3. Bagi memastikan SOP yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya dan bagi membolehkan Operator ODD dan *Off Dock Depot* dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik pada tahap yang optimum dan berkesan, semua Syarikat Haulier dikehendaki untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

3.1 Memastikan tempahan dibuat di dalam *CargoMove Booking System* dan diterima (*accepted*) oleh Operator Depoh sebelum mengambil / menghantar kontena kosong di mana-mana ODD ataupun *Off Dock Depot* (tiada caj bagi tempahan di dalam *CargoMove Booking System*);

- 3.2 Memastikan semua Prime Mover telah dilengkapi dengan alat *Global Positioning System* (GPS) yang sah dan berfungsi serta menghantar GPS Ping kepada *CargoMove System* pada setiap masa semasa berada di jalan raya di sekitar bandar Pelabuhan Klang dan semasa mengambil / menghantar kontena kosong di ODD dan *Off Dock Depot*;
- 3.3 Mempraktikkan transaksi tanpa kertas (e-Documentation) dengan memuatnaik *Consignment Note* (CN) / *Booking Confirmation* (BC) dan *Container Movement Order* (CMO) di dalam Sistem semasa membuat tempahan;
- 3.4 Pemandu Haulier menggunakan *CargoMove Mobile Application* bagi semua transaksi berkaitan pengambilan / penghantaran kontena kosong di ODD dan *Off Dock Depot*;
- 3.5 Mengambil / menghantar kontena kosong di ODD dan *Off Dock Depot* mengikut tempoh *window* - penguatkuasaan ketibaan Haulier mengikut tempoh *window* untuk mengambil / menghantar kontena kosong di ODD dan *Off Dock Depot* akan **BERKUATKUASA MULAI 1 MAC 2022**. Sebarang pengecualian hanya akan diberikan sekiranya berlaku kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kesesakan yang teruk di lebuhraya / jalan raya menuju dari / ke pelabuhan / depoh; dan
- 3.5 Membayar *Depot Gate Charge* (DGC) secara *credit terms* / pembayaran dalam talian (contoh: *Container Ledger Account Portal*);
4. LPK meminta agar semua pihak yang berkaitan untuk mematuhi SOP dan *Standards* yang telah ditetapkan ini. Pihak LPK akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana Syarikat Haulier yang enggan / tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dengan membatalkan kod Haulier dan tidak membenarkan kemasukan Haulier tersebut ke dalam pelabuhan / depoh.
5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dimajukan kepada Lembaga Pelabuhan Kelang dan Cargoflow Sdn Bhd seperti berikut:

Lembaga Pelabuhan Kelang:

Jabatan	No. Telefon	Emel
Jabatan Pusat Sehenti (<i>One Stop Centre</i>)	03-3168 8211 samb. 2039 / 2040 / 2045	onestopagency@pka.gov.my

Cargoflow Sdn Bhd:


Bahagian	No. Telefon	Emel
<i>Support Team</i>	03-2771 2765 / 011-2079 9495 (WhatsApp)	support@cargomove.com.my

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mn/josc

s.k.

YBHG. DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD. YUSOF

Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (Malaysia) Bhd.
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 PELABUHAN KLANG

Tel. : 03-3169 8787
Faks : 03-3169 8697

EN. EDDIE LEE MUN TAT

Ketua Pegawai Eksekutif
Westports Malaysia Sdn. Bhd.
P.O. Box 266
Pelabuhan Barat, Pulau Indah
42009 PELABUHAN KLANG

Tel. : 03-3169 4038
Faks : 03-3169 4175

EN. LOH CHEE CAN

Ketua Pegawai Eksekutif
Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.
Jalan FZ 2-P5/ KS 12,
Port Klang Free Zone, Pulau Indah
42920 PELABUHAN KLANG

Tel : 03-3101 2308
Faks : 03-3101 4096

EN. SOO CHEE YONG

Presiden
Association of Malaysian Hauliers (AMH)
No. 88-B2, Lebuhr Beringin
42000 PELABUHAN KLANG

Tel. : 03-3162 5656
Faks : 03-3162 5666

CARGOFLOW SDN BHD.

Aras 7, Oasis Wing, Brunfield Oasis Tower 3,
No 2, Jalan PJU 1A/7A, Oasis Square, Oasis Damansara,
47301 PETALING JAYA
(u/p: EN. RICHARD CHAN)

Tel : 03-2771 2765